

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1987/88

HSC 332 - Pemulihan/Pembaharuan dan Revolusi di China Moden

Tarikh: 11 April 1988

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang
(3 jam)

Jawab **EMPAT(4)** soalan.

1. "Sungguhpun pada teorinya Maharaja berkuasa mutlak, namun ia tidak dapat mengawal sistem sosial dan ideologi China walaupun ia telah cuba mempengaruhinya." (Franz Michael).

Dengan merujuk kepada Kerajaan Ch'ing dalam abad ke-19, bincangkan pernyataan ini.
2. Sejauh manakah anda bersetuju dengan pendapat Karl Marx bahawa peperangan China-Inggeris, 1840-1842 dan 1856-1860, yang dikenali sebagai Peperangan Candu, patut dipanggil "Peperangan Teh"?
3. "Pembaharuan-pembaharuan semasa Gerakan Memperkuatkan Diri (1862-1894) telah diperkenalkan secara pelahan-lahan kerana bukanlah tujuan Kerajaan Ch'ing untuk mengadakan pemodenan sepenuhnya, tetapi hanya ke paras yang tidak akan menjejaskan fahaman Kungfutze." Bincangkan.
4. Revolusi telah bermula di Wuchang pada 10 Oktober 1911. Revolusi siapakah itu? A
5. "Gerakan 4 Mei 1919 ialah titik peralihan di antara zaman lama dan zaman moden dalam sejarah China." Bincangkan.
6. Bincangkan sengketa 1927-1934 dalam pergerakan komunis China mengenai persoalan kaum tani.
7. "Sungguhpun Barisan Bersatu Yang Kedua (1937-1945) di antara Parti Komunis China dan Parti Kuomintang telah meninggikan taraf dan imej Chiang Kai-shek sebagai pemimpin kebangsaan China yang unggul, namun ia juga mengesahkan Parti Komunis China sebagai sebuah parti nasionalis China." Bincangkan.

.../2

8. Bincangkan mengapa dalam dekad pertama pemerintahannya Parti Komunis China telah menolak contoh Soviet Union untuk pembangunan sosio-ekonomi negara.

-ooo000ooo-